

# Kaya dadah RM366j

## Ahli perniagaan dalang sindiket kini sembunyi di Thailand

Oleh Raja Noraina Raja Rahim  
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**M**ampu memiliki harta tanah, rumah, premis perniagaan, kendaraan mewah dan pelbagai barang berharga bernilai lebih RM366 juta dengan menjalankan aktiviti pengedaran dadah.

Semua kekayaan itu dimiliki seorang lelaki tempatan dipercayai dalang utama sindiket pengedaran dadah di Malaysia yang kini bersembunyi di negara jiran selepas polis membongkar kegiatannya, pada September tahun lalu.

Menurut sumber, lelaki terbabit yang juga seorang ahli perniagaan terkenal dipercayai berada di Thailand dan dikatakan akan meninggalkan negara itu pada bila-bila masa.

Difahamkan, dia memiliki rangkaian perniagaan di Malaysia termasuk bidang perhotelan dan logistik dan terbabit dengan aktiviti pengedaran dadah sejak beberapa tahun lalu.

Dalam Op Eagle Diamond yang dijalankan di Butterworth, Pulau Pinang pada 16 Januari lalu, polis menahan lapan lelaki termasuk pemegang saham di syarikat suspek utama berkenaan.

Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) menjalankan risikan dan mengenal pasti pembabitan beberapa individu sebelum menjalankan operasi di Butterworth pada 16 Januari.

Beliau berkata, operasi khas itu bertujuan menyita



ABDUL Hamid (tiga dari kanan) selepas melancarkan video korporat JSJN di Maktab PDRM di Kuala Lumpur, semalam.

semua harta suspek dan sekutu yang disyaki terbabit sindiket pengedaran dadah bagi melumpuhkan kegiatan mereka susulan ram-pasan 12 tan kokain dicampur arang batu bernilai RM2.4 bilion di Butterworth pada 10 September tahun lalu.

Dalam pelaksanaan si-taan itu, pemeriksaan pertama di sebuah gudang di Seberang Prai menemui dadah disyaki syabu seberat 4.98 kilogram (kg), serbuk dan cecair disyaki bahan kimia (114.6kg) serta peralatan memproses dadah dianggar-kan bernilai RM250,000.

Seramai lapan lelaki termasuk lima warga Myanmar berusia antara 33 hingga 51 tahun ditahan.

"Lanjutan daripada operasi itu, JSJN menyita wang tunai RM6,960, wang dalam akaun (RM21.6 juta), saham (RM143

juta), harta tanah (RM198 juta), kendaraan (RM2.7 juta) dan barang kemas (RM51,800) dengan nilai keseluruhan RM366 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan video korporat JSJN di Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata, pihaknya sedang bekerjasama

dengan pihak berkuasa negara jiran bagi menahan dalang utama yang berasal dari Pulau Pinang itu.

Beliau berkata, pihaknya yakin suspek akan dapat ditahan dan dibawa ke negara ini untuk disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen 3 serta Seksyen 4 Akta Dadah Berbahaya (Pelucutan hak harta) 1988.

**“Kami yakin suspek akan dapat ditahan dan dibawa ke negara ini untuk didakwa**

Abdul Hamid

### NILAI SITA OPERASI JSJN



Nilai keseluruhan

**RM366 juta**



Hartanah  
**RM198 juta**



Saham  
**RM143 juta**



Wang dalam akaun  
**RM21.6 juta**



Kendaraan  
**RM2.7 juta**



Barang kemas  
**RM51,800**



Wang tunai  
**RM6,960**